

RAMLAH ABDULLAH *lih.* SIPUT SARAWAK

RAMLI ISIN (1939–), penulis. Dia lahir pada 30 Mac 1939 di Kampung Seliau, Seremban, Negeri Sembilan. Di samping namanya, dia juga pernah menggunakan nama pena Wijaya R. Dia menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Seliau dan Sekolah Melayu Jalan Channer, Seremban. Selepas itu, Ramli melanjutkan pelajarannya di Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim (1957–1960).

Dari tahun 1960 hingga tahun 1961, Ramli mengajar di Sekolah Melayu Labu Ulu, Seremban dan mengikuti kursus di Maktab Latihan Harian (DTC), Seremban. Dia mengajar di Sekolah Kebangsaan Johol dari tahun 1962 hingga tahun 1968. Mulai bulan April 1968, Ramli meletakkan jawatan kerana melanjutkan pengajian di Universitas Gadjah Mada, Yogyakarta, Indonesia dalam bidang bahasa dan kesusasteraan. Dia memperoleh ijazah Sarjana Sastera (Drs) pada tahun 1973.

Ramli pernah mengajar di Sekolah Menengah Teknik, Seremban (1973) dan menjadi pegawai penyelidik sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka (1975–1977). Selepas itu, dia bertugas sebagai pensyarah di Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) dan Jabatan Persuratan Melayu (JPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dia bersara daripada universiti tersebut dengan jawatan profesor madya.

Ramli mula bergiat dalam dunia penulisan sewaktu dia menuntut di Yogyakarta. Kebanyakan karya esei dan kritiknya terutama yang berkaitan dengan puisi, cerpen, novel dan drama diterbitkan dalam akhbar dan majalah *Berita Minggu*, *Berita Harian*, *Budaya Melayu*, *Dewan Sastera*, *Dewan Bahasa*, *Mingguan Malaysia*, *Jurnal Budaya Melayu* dan *Penulis*. Pada tahun 1975, Ramli menerima hadiah penghargaan atau penggalakan esei/kritikan bagi kategori

Hadiah Karya Sastra.

Antara esei kritikan yang dihasilkan oleh Ramli ialah *Riak dan Gelombang* (1984), *Memperkatakan Tiga Genre* (1985), *Teori Sastra dan Budaya dalam Kajian Akademik* (1997) dan *Wacana Persuratan Melayu* (1997). Buku kajian dan analisis kesusasteraan yang dihasilkannya secara bersendirian dan bersama ialah *Hikayat Hang Tuah* (1992), *Hikayat Awang Sulung Merah Muda* (1991), *Salah Asuhan* (1992), *Rimba Harapan* (1992), *Rampaisari Prosa Warisan* (1992) dan *Novel Melayu Mutakhir* (1997). Antologi cerpen yang telah disusun ialah *Suatu Subuh yang Bening* (1983), *Hari Kemerdekaan* (1989), *Tetamu dari Langit* (1990) dan *Kelapa nan Sebatang* (1991).

Ramli turut menjalankan beberapa penyelidikan terutama yang berhubung dengan kesusasteraan Melayu di Nusantara. Antaranya kajian terhadap kesusasteraan Indonesia mutakhir, novel-novel Melayu mutakhir (1980–1990-an), cerpen-cerpen Melayu mutakhir (1970-an–1990-an) dan perkembangan cerpen Melayu (1920-an–1980-an). Ramli turut membentangkan beberapa kertas kerja seperti “Novel-novel Melayu Mutakhir: Analisis Cerminan Nilai Budaya Bangsa”, “Kecenderungan Novel Indonesia Mutakhir (Tanggapan Kertas Kerja A.A. Navis) dan “Penulis-penulis Bukan Melayu dalam Arena Pencerpenan Melayu Mutakhir: Analisis Peranan dan Sumbangan”.

Ramli aktif membimbing beberapa bengkel penulisan kreatif seperti Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Utara, Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Timur dan Bengkel Penulisan Kreatif Wilayah Sabah-Sarawak. Dia juga pernah menganggotai beberapa panel penilai, antaranya Sayembara Novel GAPENA, Sayembara Novel Yayasan Sabah-GAPENA, Sayembara Cerpen ESSO-GAPENA, Hadiah Sastra Utusan Melayu-Public Bank, Peraduan Mengarang Cerpen Berunsur Islam dan hakim Pertandingan Bahas antara Maktab-maktab Perguruan Malaysia.